

**MASYARAKAT BAJAU DI BAWAH PEMERINTAHAN KESULTANAN BRUNEI DI
PANTAI BARAT BORNEO UTARA (1841-1900)**

***BAJAU COMMUNITY UNDER THE RULE BRUNEI SULTANATE IN WEST COAST
NORTH BORNEO (1841-1900)***

Yusry Sulaiman*
Mohamed Ali Haniffa
Nor Azlah Sham Rambely
Haslinda Hasan

**Unit Kenegaraan & Sejarah Gunaan, Kolej Sains & Sastera, Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA**

*Corresponding Author: yusry.sulaiman@uum.edu.my

Received: 30 July 2025; Accepted: 16 June 2026

Abstrak

Kajian ini meneliti hubungan masyarakat Bajau di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara sepanjang tempoh 1841 hingga 1900 dengan memberi tumpuan kepada peranan mereka dalam struktur politik, ekonomi dan sosial. Persoalan utama kajian ialah sejauh manakah masyarakat Bajau berfungsi sebagai agen penting dalam perdagangan maritim dan pentadbiran tempatan di bawah naungan kesultanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis sumber sejarah bertulis dan kajian lepas. Dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Bajau bukan sekadar pelaut dan pedagang, malah turut bertindak sebagai perantara ekonomi dan sekutu politik yang menyumbang kepada kestabilan pemerintahan Brunei. Kedudukan strategik ini membolehkan mereka menikmati tahap autonomi tertentu, sekaligus membentuk struktur sosioekonomi dan identiti mereka di pantai barat Borneo Utara.

Kata Kunci: Masyarakat Bajau, Kesultanan Brunei, Perdagangan Maritim, Pentadbiran Tradisional.

Abstract

This Research about the relationship between Bajau community and the Brunei Sultanate along the west coast of North Borneo during the period from 1841 to 1900 with particular focus on their roles within political, economic and social structure. The main research question addresses the extent to which Bajau functioned as a key agent in maritime trade and local administration under the patronage of the Sultanate. This research adopts a qualitative approach through the analysis of written historical sources and previous scholarly works. The Findings indicate that Bajau were not merely seafarers and traders, but also acted as economic intermediaries and political allies who contributed to the stability of Brunei rule. This Strategic position enabled them to enjoy a certain degree of autonomy, which in turn shared their socioeconomic structure and collective identity along the west coast of North Borneo.

Keywords: *Bajau Community, Brunei,, Maritime Trade and Traditional Administration*

Pengenalan

Masyarakat Bajau di bawah pemerintahan Brunei di pantai barat Borneo Utara memperlihatkan satu bentuk interaksi politik tradisional yang kompleks dalam sejarah awal moden wilayah tersebut. Untuk memahami dinamik politik di kawasan ini sebelum kedatangan kuasa kolonial British, hubungan antara kedua-dua entiti ini perlu dilihat dalam konteks perluasan pengaruh kesultanan Brunei sejak abad ke-17. Pada tempoh ini Brunei mengembangkan kuasanya melalui jaringan politik dan budaya yang berasaskan komuniti persisiran maritim, terutama masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara. Dalam konteks ini, masyarakat Bajau bukan sekadar kelompok yang mendiami kawasan persisiran pantai, sebaliknya merupakan satu komponen penting dalam jaringan kuasa politik tradisional yang berteraskan pelayaran dan perdagangan. Kesultanan Brunei memainkan pelayaran dan perdagangan. Kesultanan Brunei memainkan peranan sebagai kuasa hegemoni yang memperluaskan pengaruhnya melalui hubungan *patron-klein* dengan masyarakat persisiran, termasuk masyarakat Bajau. Sebagai komuniti maritim yang aktif dalam perdagangan dan mobiliti laut, masyarakat Bajau berupaya membina jaringan kuasa tempatan yang menjadi unsur penting dalam struktur penguasaan wilayah Brunei terutama di kawasan Mengkabong, Tuaran, Putatan, Sembulan, Pengalat Kecil, Pengalat Besar, Kabatuan, Tempasuk, Inanam dan Napas.

Kewujudan masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara tidak dapat dipisahkan daripada sistem penguasaan wilayah Brunei, dalam konteks struktur pemerintahan, sistem pemilikan wilayah serta golongan elit seperti Pengiran dan Datu dengan istana Brunei. Sistem ini membolehkan Kesultanan Brunei mengekalkan kuasa pengaruhnya dari jauh dengan masyarakat Bajau pula melaksanakan pemerintahan dengan struktur sosial melalui simbolik dan material kepada institusi pemerintahan kesultanan Brunei. Dalam hubungan ini, masyarakat Bajau tidak dikenali sebagai objek politik sahaja tetapi agen untuk melaksanakan pemerintahan demi kelangsungan institusi politik tradisional. Hubungan tersebut telah membentuk struktur pentadbiran tempatan dan hierarki politik yang berlangsung sehingga ke kedatangan kolonial.

Kemudian, kemasukan kuasa Barat ke Borneo Utara melalui penubuhan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada penghujung abad ke-19 telah membawa perubahan yang ketara terhadap struktur kuasa tradisional di wilayah ini. Perkembangan ini secara beransur-ansur menghakis hubungan politik dan perlindungan antara masyarakat Bajau dengan kesultanan Brunei. Akibatnya, berlaku peralihan autoriti apabila sebahagian kuasa wilayah ini yang sebelum ini berada di bawah naungan kesultanan Brunei telah dipindahkan kepada satu sistem pentadbiran kolonial yang lebih berpusat serta birokratik. Perubahan ini bukan sahaja menjejaskan kedudukan golongan elit tempatan, malahan turut melemahkan peranan simbolik kesultanan Brunei sebagai pelindung tradisional masyarakat Bajau di Borneo Utara.

Oleh itu, kajian ini cuba menganalisis sifat dinamik hubungan antara Masyarakat Bajau dengan Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara sebelum dan semasa proses peralihan kepada kuasa Barat. Ini melihat penggabungan kajian seperti karya-karya sejarah utama serta rekod-rekod kolonial dengan pendekatan ini dapat diharapkan tahap pemahaman yang lebih mendalam tentang warisan politik dan budaya yang terus membentuk struktur sosial dan identiti masyarakat Bajau pada tempoh tersebut.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah sejarah tradisional dengan menggabungkan analisis sumber karya utama sejarah. Antara sumber primer seperti *British North Borneo Herald* serta dokumen rasmi politik dan pentadbiran di pantai barat Borneo Utara. Di samping itu, kajian tersebut turut memanfaatkan sumber lisan tempatan masyarakat Bajau bagi menelusuri ingatan kolektif masyarakat Bajau berkaitan hubungan mereka dengan Kesultanan Brunei. Bagi sumber sekunder pula, merujuk kepada karya-karya ilmiah dengan bidang sejarah dan kajian Borneo yang membincangkan struktur politik tradisional, proses kolonisasi serta dinamik sosial dan budaya masyarakat Bajau dan Brunei. Semua sumber ini dianalisis secara kritis menggunakan kaedah heuristik seperti kritik sumber dalaman dan luaran bagi interpretasi dalam penulisan sejarah bagi memastikan dapat kebolehan hujah. Dengan pendekatan analisis yang digunakan dalam kontekstual seperti meneliti perubahan hubungan masyarakat Bajau dan kesultanan Brunei bagi merentasi dua fasa iaitu era pra-kolonial dan era peralihan kepada pentadbiran kolonial. Melalui perbandingan ini kajian dapat mengenal pasti kesinambungan dan perubahan dalam struktur kuasa, peranan politik serta makna simbolik hubungan tersebut dalam konteks sejarah pantai barat Borneo Utara. Dengan menggunakan pendekatan analisis kontekstual, demi membina satu naratif sejarah yang bukan sahaja berasaskan perspektif kolonial malahan dapat memberi ruang kepada sudut pandang tempatan dalam memahami politik dan budaya masyarakat Bajau.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai hubungan antara masyarakat etnik di Borneo Utara dengan kesultanan Brunei telah banyak dijalankan terutama dalam konteks perluasan kuasa politik tradisional Brunei dan pembentukan sistem pentadbiran tradisionalnya. Antara karya penting yang sering dirujuk ialah tulisan Awg Asbol mengenai Kesultanan Brunei pada abad ke-19 yang membincangkan secara terperinci tentang corak pemerintahan, kebangkitan dan kemerosotan kuasa kesultanan Brunei di Kepulauan Borneo. Karya tersebut turut menghuraikan proses perluasan pengaruh politik Brunei ke kawasan pesisir Borneo Utara terutama pantai barat melalui pelantikan pembesar tempatan serta pelaksanaan bentuk pentadbiran tidak langsung (*Indirect Rule*). Awg Asbol menekankan peranan golongan Pengiran dan datu dalam mengawasi serta mentadbir wilayah jajahan Brunei di Borneo Utara terutama di pantai barat. Namun demikian, kajian beliau tidak memberikan tumpuan khusus terhadap peranan masyarakat membentuk dan menggerakkan hubungan tersebut di peringkat tempatan.¹

Tesis Brown yang berjudul *Socio-Political History of Brunei: A Borneo Malay Sultanate* merupakan antara rujukan utama dalam memahami struktur kuasa dan sistem politik kesultanan Brunei. Brown menegaskan bahawa pengaruh politik Brunei ke atas wilayah-wilayah taklukannya banyak bergantung kepada jaringan hubungan sosial, terutama melalui sistem *patron-klien*. Sistem ini dizahirkan melalui pelantikan pemimpin tempatan, penganugerahan gelaran serta pengutipan cukai sebagai simbol kedaulatan dan kesetiaan politik. Hubungan sedemikian mencerminkan suatu bentuk kekuasaan yang lebih berasaskan penguasaan melalui kekuatan ketenteraan secara langsung. Walau bagaimanapun, Brown tidak memberikan tumpuan khusus terhadap peranan masyarakat Bajau atau komuniti persisiran pantai sebagai aktor penting dalam jaringan kuasa tersebut. Dengan itu wujud keperluan untuk satu kajian berfokus untuk memahami hubungan politik tradisional antara kesultanan Brunei dengan masyarakat Bajau

terutama di kawasan Mengkabong, Tuaran, Putatan, Tempasuk, Kabatuan, Pengalat Kecil, Pengalat Besar, Api-Api dan Kinarut.²

Spenser St. John dalam karyanya *The Life of the Far East* memberikan gambaran awal tentang hubungan antara masyarakat Bajau dengan Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara. Beliau menjelaskan bahawa sifat mobiliti masyarakat Bajau yang aktif dalam pelayaran dan perdagangan telah meletakkan mereka dalam jaringan hubungan politik dan ekonomi serantau, termasuk dengan kesultanan Brunei. Menurut Spenser pengaruh Brunei terhadap masyarakat Bajau terjalin melalui hubungan saling bergantung terutama dalam aspek perlindungan politik dan kepentingan ekonomi dengan Brunei peranan sebagai pusat kuasa utama di kawasan pesisir pantai barat pada waktu itu. Secara keseluruhannya, Spenser melihat hubungan ini sebagai satu bentuk interaksi yang kompleks dengan utamakan pertukaran sosial, kesetiaan politik dan kepentingan strategik bersama sekali gus menempatkan kesultanan Brunei sebagai entiti penting dalam pembentukan struktur sosial dan politik masyarakat Bajau di wilayah tersebut.³

Karya Black dan Rutter adalah rujukan penting yang menghuraikan pandangan awal Barat terhadap perubahan struktur politik dan sosial di *British North Borneo* terutama proses pemindahan kuasa daripada Kesultanan Brunei kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Black dalam *The Ending of Brunei Rule* menegaskan bahawa kemunculan British di Borneo Utara merupakan kesan langsung daripada kemerosotan kuasa Kesultanan Brunei, terutama kegagalan mengawal wilayah pesisir. Beliau menunjukkan bahawa perjanjian penyerahan kuasa antara Sultan Brunei dan wakil SBUB menjadi asas kepada peralihan era pemerintahan tradisional dan bermulanya sistem pentadbiran kolonial yang lebih tersusun. Sebaliknya Rutter pula melalui gambaran yang lebih bernada kolonial apologetik dengan lihat SBUB sebagai kuasa yang membawa kestabilan kepada Borneo Utara. Oleh itu, kedua-dua karya ini memperlihatkan perbezaan perspektif yang jelas. Oleh itu, Black mentafsir kemunculan British sebagai akibat kelemahan Brunei, manakala Rutter menampilkan SUBU sebagai agen pemodenan.⁴

Peter Leys dalam *Observation on Brunei Political System* menilai sistem politik Brunei sebagai tidak efisien dan tidak mampu menyesuaikan diri dengan cabaran imperialisme moden. Leys mengkritik Struktur pemerintahan Brunei yang berasaskan hierarki feodal dan hubungan patron-klien yang menurutnya gagal mengurus wilayah jajahan secara berkesan. Atas ketidakmampuan Brunei dalam mengawal wilayah luar seperti pantai barat Borneo Utara menyebabkan kuasa luar seperti SBUB mudah memperoleh kawasan dan kuasa pengaruh politik. Oleh itu, Leys menegaskan bahawa kelemahan institusi politik dan ketiadaan pembaharuan dalam pentadbiran menjadi faktor utama kejatuhan pengaruh Brunei di rantau tersebut.⁵

Kajian mengenai masyarakat Bajau, khususnya komuniti Samah Bajau dan Bajau bandar, menunjukkan bahawa pembentukan identiti etnik mereka tidak dapat dipisahkan daripada sejarah hubungan dengan kesultanan Brunei. Dalam konteks sejarah pantai barat Borneo Utara, masyarakat Bajau terlibat secara aktif dalam jaringan perdagangan, pelayaran dan hubungan politik di bawah naungan Brunei. Kajian Gusni menegaskan bahawa walaupun masyarakat Bajau bandar terdedah kepada proses pemodenan, mereka tetap mengekalkan unsur-unsur budaya pesisiran yang berakar sejak era Kesultanan Brunei, termasuk hubungan berasaskan sistem feodal dan perlindungan politik Sultan. Namun, kedatangan penjajahan British telah mengubah secara ketara dinamik hubungan tradisional ini, khususnya melalui peralihan daripada sistem pentadbiran tradisional kepada sistem kolonial moden. Perubahan tersebut memperlihatkan bawa identiti masyarakat Bajau terbentuk melalui satu proses sejarah yang kompleks iaitu hasil pertembungan antara kesinambungan tradisi Brunei dan tekanan perubahan sosiopolitik kolonial.⁶

Sistem Kepimpinan Masyarakat Bajau Dalam Era Kesultanan Brunei Di Pantai Barat Borneo Utara

Semasa pemerintahan Brunei di pantai barat masyarakat Bajau bernaung di bawah kesultanan Brunei. Mengikut hierarki politik tradisional, di mana ada sultan, di situlah ada kerajaan. Spenser menjelaskan Sultan mempunyai kuasa yang tertinggi yang tidak bersifat “*Absolute*” mahupun “*total*” terhadap kuasa. Jadi baginda mestilah merujuk kepada pegawai-pegawai utama mereka untuk menjelaskan perkara yang penting. Apabila selesai dalam perbincangan barulah baginda membuat pengesahan dengan sekurang-kurangnya dua cap mohon dalam struktur pentadbiran Kesultanan Brunei, Sultan dibantu oleh golongan pembesar yang mempunyai hierarki dan bidang tugas yang tersusun. Kedudukan tertinggi dalam kalangan pembesar ialah golongan wazir yang terdiri daripada empat jawatan utama seperti Pengiran Bendahara yang mengurus hal ehwal pentadbiran dalam negeri, Pengiran Digadong yang bertanggungjawab terhadap kewangan kerajaan, Pengiran Pemancha yang mengurus adat-istiadat dan protokol istana serta Pengiran Temenggung yang mengawasi keselamatan, perairan, pelabuhan dan kawasan pesisir. Di bawah keempat-empat wazir ini terdapat golongan ceteria yang diketuai oleh Shahbandar yang berperanan mengurus perdagangan dan hubungan diplomatik dengan pedagang asing. Sistem pentadbiran ini turut dibantu oleh golongan bangsawan dan pembesar bawahan. Bagi wilayah pantai barat Borneo Utara Kaya Digadong iaitu pembesar tempatan yang mempunyai pengaruh besar dalam kalangan masyarakat setempat dan berperanan sebagai perantaraan antara pihak istana dan penduduk tempatan. Selain itu, terdapat juga menteri darat yang dilantik daripada rakyat biasa, namun kedudukan mereka adalah lebih rendah berbanding golongan pembesar utama.⁷

Dalam sistem pentadbiran tradisional Kesultanan Brunei, hampir semua pegawai dilantik secara langsung oleh sultan, kecuali ketua-ketua kampung dan sebahagian pegawai yang dikenali sebagai menteri darat yang mungkin dilantik oleh pembesar-pembesar wilayah. Menurut Brown, pelantikan jawatan dalam sistem ini bukan sekadar bersifat pentadbiran tetapi turut melibatkan kewajipan bayaran tertentu kepada sultan, sama ada semasa penganugerahan jawatan atau apabila seseorang pegawai itu meninggal dunia.⁸ Bayaran tersebut lazimnya dibuat dalam bentuk hamba abadi atau barangan dan pertukaran manfaat dalam struktur kuasa tradisional Brunei.⁹

Melihat dalam struktur politik tradisional Brunei, golongan bangsawan yang bergelar Pengiran mempunyai kedudukan istimewa serta menguasai sebahagian besar wilayah jajahan. Hampir setiap daerah dibahagikan kepada beberapa keluarga bangsawan dengan setiap keluarga memiliki hak kawalan ke atas beberapa buah kampung dan memperoleh sumber sara hidup melalui kutipan cukai. Sultan merupakan pemilik tertinggi wilayah jajahan, manakala pembesar-pembesar utama turut menguasai jajahan masing-masing di bawah naungan baginda. Namun Brown mencatatkan bahawa terdapat juga dalam kalangan bangsawan yang menjual hak mereka ke atas daerah tertentu atau mengeksploitasi penduduk tempatan untuk memperoleh keuntungan. Secara keseluruhannya, corak umum yang dapat dikenal pasti ialah wilayah jajahan Brunei pada asalnya telah diagihkan dalam kalangan golongan bangsawan sebagaimana dirumuskan oleh Brown bahawa “*the general pattern is clear, Brunei dominion were, in the firsat instance, parcelled out within the Brunei Nobility*”.¹⁰

Menurut Awg Asbol dan Ranjit dalam struktur politik kesultanan Brunei di Borneo Utara, sungai-sungai dan penduduk di sekitarnya dibahagikan kepada tiga kategori jajahan bagi tujuan pentadbiran dan kutipan cukai. Pertama, Sungai kerajaan iaitu wilayah milik mutlak Sultan tetapi

tidak boleh diwarisi. Kedua Sungai Kuripan iaitu wilayah yang diperuntukkan kepada empat wazir utama seperti Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggung sebagai hak jawatan, bukan harta peribadi dan mesti dikembalikan kepada sultan apabila seseorang wazir meninggal dunia atau tamat tempoh jawatan. Ketiga Sungai Tulin iaitu wilayah yang boleh dimiliki sebagai harta *pesaka* (pusaka) oleh Sultan, wazir atau golongan Pengiran.¹¹

Brown menjelaskan bahawa dari segi amalan, kuasa yang dimiliki oleh para pembesar di jajahan Tulin tidak banyak beza berbanding jajahan kerajaan atau kuripan. Setiap pembesar jajahan pada hakikatnya mempunyai kuasa yang hampir sepenuhnya dalam wilayah masing-masing. Tetapi dari sudut pandangan pentadbiran, terdapat batasan tertentu antaranya hukuman mati hanya boleh dilaksanakan dengan keizinan Sultan dan para pembesar diwajibkan menguatkan kuasa undang-undang Sultan dalam kalangan Pengikut mereka.¹²

Selain itu, para pembesar bangsawan yang lain, Sultan mentadbir dan mengutip cukai daripada wilayah jajahannya dengan dibantu oleh dua orang pegawai kanan daripada golongan. Bukan bangsawan iaitu Orang Kaya Digadong dan Syahbandar. Kedua pegawai ini bertanggungjawab menyelia urusan pentadbiran serta pengutipan cukai dan ufti secara keseluruhan. Dalam melaksanakan tugas tersebut mereka dibantu oleh pegawai-pegawai bawahan yang dikenali sebagai “jejenang”. Di samping itu, sebahagian pembesar daripada golongan bukan bangsawan turut bertanggungjawab memastikan pembayaran cukai, ufti atau hadiah tentu kepada pihak istana. Ufti tahunan yang diserahkan oleh daerah-daerah tertentu merangkumi barangan seperti perahu perang, padi, sagu, kapas dan emas dalam kuantiti yang telah ditetapkan.¹³

Pemilikan wilayah jajahan tersebut merupakan sumber kekayaan dan pengaruh politik yang amat penting kepada golongan pembesar. Setiap pembesar mempunyai kawalan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terhadap sumber ekonomi di wilayah jajahannya, termasuk kutipan cukai, ufti, hasil pertanian dan perdagangan tempatan. Kekayaan yang teruk pul daripada jajahan ini bukan sahaja menjadikan seseorang pembesar sebagai pemilik harta yang besar, malah membolehkannya membina pengaruh politik yang kukuh sehingga berupaya mencabar atau menyaingi kuasa pusat. Pendapatan yang stabil daripada jajahan turut membolehkan para pembesar mengekalkan pengikut, orang suruhan dan pasukan bersenjata yang berfungsi sebagai asas kepada kekuatan politik dan ketenteraan mereka.

Meskipun Sabihah menyatakan bahawa golongan pengiran di setiap jajahan Tulin kuasa “*De facto*” yang luas dalam mentadbir wilayah masing-masing, termasuk hak memungut cukai daripada penduduk dan ketua-ketua keluarga, mereka pada masa yang sama tetap mengiktiraf kedaulatan “*De jure*” Sultan Brunei melalui pembayaran ufti atau hasil tertentu pada waktu-waktu yang ditetapkan. Dalam amalan pentadbiran harian, golongan pengiran ini lebih berperanan sebagai tuan tanah dan pemilik wilayah, manakala urusan pentadbiran tempatan diserahkan kepada wakil-wakil mereka, sama ada daripada kalangan orang Brunei atau pembesar tempatan serta ketua kampung. Secara lazimnya, pengiran tidak menetap secara tetap di jajahan mereka, sebaliknya hanya melakukan lawatan berkala bagi tujuan mengutip hasil dan memastikan kelangsungan ketaatan politik. Pentadbiran harian jajahan tersebut dilaksanakan oleh wakil Sultan atau ketua tempatan yang dilantik. Setiap jajahan yang diwujudkan oleh Sultan Brunei biasanya diletakkan di bawah seorang ketua yang diberi gelaran seperti Datu atau Orang Kaya, iaitu individu yang menguasai beberapa buah kampung dan mentadbirnya sebagai sebuah unit wilayah yang disifatkan sebagai daerah kecil. Di peringkat kampung, ketua kampung tidak dilantik secara langsung oleh kerajaan pusat, sebaliknya dipilih oleh komuniti setempat sendiri dan kemudiannya diiktiraf oleh pihak berkuasa tempatan. Struktur ini menunjukkan bahawa pentadbiran jajahan

Brunei beroperasi melalui gabungan kuasa pusat yang bersifat simbolik dan hierarki tempatan yang bersifat praktikal, dengan kehadiran wakil pusat yang terhadap kepada lawatan dan pengawasan berkala.¹⁴

Setiap ketua tempatan berperanan sebagai orang tengah yang penting antara jajahan mereka dengan kerajaan pusat. Mereka bertanggungjawab terhadap pentadbiran harian, menjaga ketenteraman dan kesejahteraan jajahan, mengutip cukai tahunan untuk diserahkan kepada pihak atas serta menguatkuasakan undang-undang dan arahan yang dikeluarkan oleh sultan. Walau bagaimanapun dalam sistem pentadbiran Brunei, hubungan antara kuasa pusat dan kuasa pembesar tidak bersifat mutlak. Secara etikanya sultan mempunyai hak kedaulatan ke atas seluruh jajahan dan penduduk Kerajaan Brunei. Tetapi secara praktiknya golongan pengiran memiliki tanah dan pengikut sendiri serta menikmati tahap kebebasan pemerintahan yang besar terutama di kawasan yang dikategorikan sebagai tanah Tulin. Sultan tidak berhak memungut hasil secara langsung daripada jajahan atau penduduk yang tergolong sebagai Tulin iaitu wilayah dan komuniti yang berada di bawah pengaruh dan penguasaan turun-temurun golongan pengiran. Begitu juga, sultan tidak boleh mengurniakan tanah Tulin kepada sesiapa tanpa persetujuan tuan tanah yang berkenaan. Seperti yang dijelaskan oleh Black, sultan sendiri lazimnya hanya mempunyai hak Tulin ke atas beberapa buah sungai dan hak tersebut diperoleh secara warisan bukan semata-mata kerana kedudukannya sebagai sultan. Oleh sebab sebahagian besar jajahan Brunei terdiri daripada tanah jenis Tulin dapat diperhatikan bahawa dalam banyak keadaan, kekuasaan dan pengaruh golongan pengiran di peringkat wilayah adalah skala besar dan lebih asas berbanding kuasa sultan sebagai pemerintahan pusat.

Dalam petikan tersebut, Brown menjelaskan bahawa masyarakat Brunei tidak membentuk satu kesatuan politik yang padu, sebaliknya terbahagi kepada beberapa kelompok yang longgar hubungannya antara satu sama lain. Keadaan ketiadaan kesatuan ini, menurut beliau, sebenarnya menguntungkan pemerintah, terutama pihak istana. Perkara ini berlaku perpecahan dalam kalangan rakyat menghalang kemunculan satu kekuatan bersama yang mampu mencabar kuasa sultan. Sebaliknya jika wujud kesatuan yang kukuh antara kelompok masyarakat, keadaan itu berpotensi mendorong rakyat Brunei mengambil tindakan kolektif yang boleh mengancam kedudukan dan kestabilan kuasa sultan. Perkara ini disimpulkan bahawa struktur sosial yang berpecah-pecah ini secara tidak langsung berfungsi sebagai satu mekanisme politik yang mengekalkan dominasi kuasa pusat.

“It might be safe to assume that the Brunei took steps to hinder coalitions of peoples under them; that is top the best of their ability the Brunei would have found it to their advantage not to allow the growth of social systems among their ostensible subjects that would have been of sufficient sophistication to establish broad scale ethnic unities.”¹⁵

Keupayaan Kesultanan Brunei untuk mengawal masyarakat di bawah pemerintahannya tidak bersifat seragam, tetapi berbeza mengikut keadaan setempat dan kedudukan geografi sesuatu kelompok. Antara faktor utama yang mempengaruhi tahap kawalan ini ialah jarak sesuatu komuniti daripada pesisir pemerintahan di Brunei terutama kawasan pedalaman dan pesisir yang jauh dari pantai. Dalam konteks ini, setiap kelompok etnik tidak hanya dilihat sebagai subjek politik semata-mata tetapi mempunyai peranan ekonomi, ketenteraan dan sosial tersendiri dalam struktur pemerintahan kesultanan.

Kesultanan Brunei mengatur penguasaan terhadap sumber-sumber pengeluaran dengan memanfaatkan kepakaran dan kelebihan khusus setiap kelompok. Masyarakat pesisir seperti

Bajau sebagai contoh memainkan peranan penting dalam bidang maritim dan ketenteraan laut. Menurut Spenser, Sultan Brunei melantik seorang pemimpin Bajau bergelar Raja Tua sebagai ketua Laksamana armada laut bagi mengawal perairan dan membanteras kegiatan lanun serta perdagangan perhambaan yang dijalani oleh kumpulan seperti Balangingi dan Iranun di kawasan teluk Mengkabong. Peranan ini menunjukkan bahawa masyarakat Bajau bukan sahaja berfungsi sebagai penduduk pesisir tetapi juga sebagai benteng pertahanan maritim dan pasukan ketenteraan laut bagi pihak kesultanan sementara itu kelompok ini terutama masyarakat pedalaman juga fungsi sebagai peneroka tanah, pengeluaran hasil hutan serta pembekal sumber seperti rotan, damar, lilin lebah dan hasil pertanian. Pembahagian fungsi ini memperlihatkan bahawa Kesultanan Brunei tidak sekadar pemerintahan melalui struktur politik semata-mata, tapi membentuk satu bentuk sistem pengurusan wilayah yang berasaskan kepelbagaian etnik dan kepakaran ekonomi. Dengan kata lain, setiap kaum diintegrasikan ke dalam sistem pemerintahan mengikut peranan strategik masing-masing sama ada dalam bidang ekonomi, keselamatan atau pentadbiran wilayah.¹⁶ Dalam ini petikan ini juga menunjukkan berlaku seperti:

“The will know balingini were subdivision of the great Bajau tribe, they used as profesional Kidnappers to the seas from Macassar, batavia and Singapore opn the south to Manila on the North; They Did not as a rule murder without thet thought there was occasion to do so”.¹⁷

Seiring dengan itu, Rutter menyentuh mengenai pemerintahan Sultan Brunei terhadap penduduk tempatan di Borneo Utara mengalami penindasan daripada golongan pembesar-pembesar Brunei.

“Previously every village and every villagers had been at the mercy of royal understrappers at the Brunei Court. These gentry had been in the habit of obtaining the sultan royal seal upon outrageous requisitions for taxes which the poor trillers of the soil were unable to executed and in consequences had their property and often thier women folk seized and carried off”.¹⁸

Pendudukan jajahan dikehendaki membayar cukai yang tinggi kepada para pembesar Brunei. Sekiranya gagal memenuhi tuntutan tersebut, harta benda mereka boleh dirampas, malah dalam sesetengah kes, ahli keluarga termasuk wanita turut dijadikan tebusan atau dirampas. Amalan penuntutan yang berlebihan ini semakin kerap berlaku dan akhirnya menimbulkan rasa tidak puas hati semakin kerap berlaku dan akhirnya menimbulkan rasa tidak puas hati yang mendalam dalam kalangan masyarakat Bajau. Menurut Peter Leys, hak-hak pembesar Brunei terhadap penduduk di jajahan mereka boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu Kehakiman, *fiscal* dan Komersial. Hak kehakiman merangkumi kuasa mengadili kesalahan jenayah dan memungut cukai, Hak Fiskal melibatkan kuasa mengenakan dan memungut cukai, manakala hak komersial pula berkaitan dengan kawalan terhadap aktiviti perdagangan. Walaupun secara teori hak-hak ini membentuk asas pentadbiran jajahan dalam etikanya sistemnya tersebut sering dilaksanakan secara tidak tersusun dan bersifat sewenang-wenangnya. Penguatkuasaan kuasa ini lebih ketara dikenakan ke atas golongan penduduk yang lemah dengan pusat kekuasaan, berbanding di kawasan yang jauh yang sukar dikawal.¹⁹

Terdapat beberapa bentuk cukai yang dikenakan ke atas penduduk dan pedagang di pantai barat Borneo Utara pada zaman pemerintahan Brunei. Menurut Leys, sistem percukaian ini boleh dikategorikan kepada tiga itu.²⁰

1. Cukai secara langsung

2. Cukai barangan import
3. Cukai barangan eksport

Dalam praktik pentadbiran, bentuk cukai ini dilaksanakan melalui beberapa jenis kutipan khusus seperti berikut.

- a. Cukai Dagang: Cukai ini dikenakan ke atas para pedagang dan mesti dibayar sebelum sebarang aktiviti perdagangan dibenarkan. Kadar cukai yang dikenakan tidak tetap, sebaliknya ditentukan berdasarkan kedudukan atau kemampuan pihak yang membayar. Setelah cukai ini dibayar para pedagang dibenarkan menjalankan urusan perdagangan mereka tanpa gangguan.
- b. Cukai Kepala: Cukai ini merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas setiap tahun lelaki dewasa di kawasan tertentu. Sultan Brunei akan menghantar wakilnya dari pusat pemerintahan Brunei bagi tujuan mengutip cukai ini secara langsung.
- c. Cukai Bongkah Sauh: cukai ini dipungut daripada penduduk apabila pembesar meninggalkan sesuatu di sungai. Kutipan ini biasanya dibuat secara kolektif oleh penduduk kawasan tersebut sebagai tanda atau kewajipan adat terhadap kehadiran dan keberangkatan pemerintahan.
- d. Cukai Basuh Betis: cukai ini dikenakan ke atas penduduk apabila seorang Pengiran melawat kawasan jajahan atau wilayah sungainya. Ia boleh dianggap sebagai bentuk sumbangan wajib penduduk bagi menyambut atau menghormati kehadiran pembesar tersebut.
- e. Cukai Serah: cukai ini merupakan cukai yang hampir sama dengan Cukai Dagang, terutama dari segi sifatnya sebagai bayaran wajib yang perilaku, kemudian diserahkan oleh penduduk atau pedagang kepada pihak berkuasa
- f. Cukai Tolongan: Cukai ini dikutip daripada penduduk apabila berlaku peristiwa penting dalam keluarga Pengiran, seperti perkahwinan, kematian atau pembinaan rumah baharu. Ia berfungsi sebagai bentuk sumbangan wajib rakyat untuk menampung keperluan dan perbelanjaan golongan pembesar.

Ada juga cukai yang tidak disebut dari atas, seperti cukai penduduk meninggal, sebahagian besar hartanya akan diserahkan kepada golongan pengiran. Secara umumnya, lebih dekat sebuah batang sungai atau jajahan dengan ibu kota kerajaan iaitu Brunei lebih teliti dengan pengawasan golongan pemerintah dan lebih banyak cukai dan denda yang akan dikenakan pada penduduknya. Semakin jauh dari sungai ataupun jajahan dari ibu kota, semakin kurang cukai dan denda yang akan dikenakan pada penduduk.²¹

Pada abad ke-19 Sultan Brunei tidak berkeupayaan untuk mentadbir secara berkesan jajahan-jajahan di luar bandar Brunei. Kuasa yang merupakan satu sistem pentadbiran Brunei semakin bertambah pada abad ke-19. Sesetengah jajahan yang terletak jauh dari pusat kerajaan mula membebaskan diri daripada kawalan golongan bangsawan. Golongan bangsawan yang berkuasa masih mengunjungi jajahan-jajahan tersebut, tetapi hasil yang dimiliki hanyalah sedikit. Mereka bersatu bagi mengukuhkan pengaruh masing-masing ke atas wilayah pedalaman dan pesisir yang semakin terlepas daripada pusat kawalan. Dalam konteks ini kuasa kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara pada ketika itu hanya bersifat komunal meskipun masih wujud saki baki penghormatan terhadap gelaran dan kedudukan sultan sebagai pemerintahan. Secara praktiknya terdapat beberapa kawasan utama di pantai barat telah berada di bawah penguasaan kelompok tempatan. Sebagai contoh, Tempasuk dikuasai oleh masyarakat Iranun, manakala kawasan Papar, Mengkabong, Sembulan, Darau, Nafas, Putatan dan Api-Api pula berada di

bawah penguasaan masyarakat Bajau. Apa yang lebih memburukkan Kesultanan Brunei sedikit sebanyak digambarkan oleh Spenser.

“The Brunei Government possesses no armed force beyond the power of calling out the population as militia, who rarely respond to the call, as they are neither fed nor paid during their time of service and are generally required to perform acts repugnant to their real interest. It possesses neither war boats or police and is incapable of organizing an expedition to attack a neighbouring district and is without exception one of the most competent semblances of power that ever existed. As I have said before it has the name government but not the reality”.²²

Menurut Brown, kerajaan Brunei tidak mempunyai pasukan tentera tetap pada pertengahan abad ke-19. Sekiranya timbul keperluan ketenteraan, sultan akan mengarahkan sebahagian daripada rakyat untuk berkhidmat sebagai angkatan sementara.²³ Namun, bagi mengurangkan kos pentadbiran dan ketenteraan, Kesultanan Brunei turut mengamalkan satu kaedah yang lebih praktikal dengan membenarkan kumpulan etnik tertentu yang bukan berketurunan Brunei menjalankan operasi ketenteraan atau tindakan kekerasan terhadap kumpulan lain yang dianggap perlu dikenakan tindakan. Antara kumpulan yang sering digunakan dalam peranan ini seperti masyarakat bajau, Iban dan Kayan.²⁴

Akhir sekali faktor utama yang menyebabkan kesultanan Brunei tidak berkeupayaan mengawal pantai barat Borneo Utara ialah jaraknya yang jauh dari pusat pemerintahan. Keadaan ini menyukarkan hubungan pentadbiran antara sultan dengan para pembesar tempatan di wilayah tersebut yang selalu tidak berjalan dengan lancar. Selain daripada kekuasaan Kesultanan Brunei juga tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di kawasan pedalaman yang jauh dari ibu kota. Sambil itu komposisi penduduk di Borneo Utara terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik mewujudkan cabaran politik dan sosial berterusan sekali gus melemahkan keupayaan Kesultanan Brunei bagi mengekalkan kawalan politik yang kukuh di wilayah tersebut.

Kuasa Pengaruh Kesultanan Brunei terhadap Masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara.

Pada abad ke-19 ketika Borneo Utara masih di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, terdapat banyak penempatan masyarakat Bajau di sepanjang Pantai Barat antaranya di Tempasuk, papar, Mengkabong, Kawang, Sembulan, Putatan, Menggatal (Darau), Tuaran, Inanam, Kinarut, Likas, Sepanggar, Karambunai, Api-Api, tanjung Aru (Nafas), Pengalat Diki, Pengalat Oyo, Kebatuan, Gaya dan Petagas.²⁵ Secara umumnya, kebanyakan komuniti Bajau di kawasan pantai barat ini merupakan kelompok Bajau yang mempunyai campuran keturunan Bajau-Brunei yang dikenali sebagai Samah Dopoh, kecuali komuniti di Tempasuk yang dikenali sebagai Jomo Samah. Keadaan ini menunjukkan bahawa kawasan Pantai Barat Borneo Utara sememangnya berada di bawah pengaruh politik dan budaya Kesultanan Brunei yang kuat pada waktu itu.

Menurut Ranjit, kawasan Borneo Utara terutama di pantai barat dihuni oleh masyarakat Bajau yang menerima pengaruh kuat terhadap kesultanan Brunei.²⁶ Manakala kawasan Illanun pula menerima pengaruh kuat dari kesultanan Sulu yang juga menetap di kawasan Tempasuk, Pandasan dan Kota Marudu.²⁷ Keadaan ini menyebabkan pengaruh Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara semakin terancam. Kesultanan Sulu kemudiannya berjaya meluaskan

pengaruhnya di kawasan tersebut dengan melantik Syarif Osman sebagai penguasa Kota Marudu sekitar tahun 1830.²⁸ Akan tetapi kedudukan Syarif Osman berakhir apabila kubunya diserang dan dimusnahkan oleh James Brooke. Selepas peristiwa tersebut, sebahagian besar pengikut Syarif Osman melarikan diri ke kawasan Lubuk, Sugut dan Tunku pantai timur Borneo Utara. Walau bagaimanapun, penempatan masyarakat Bajau dan Illanun di pantai barat Borneo Utara tetap kekal, malah masyarakat Bajau terus membuka penempatan baharu di kawasan tersebut.²⁹

Sekitar tahun 1860 hingga 1870, komuniti Bajau masih menetap di kawasan Tempasuk, Mengkabong, Kawang, Sembulan, Putatan, Menggatal (Darau), Tuaran, Inanam, Kinarut, Likas, Sepanggar, Karambunai, Api-Api, Tanjung Aru (Nafas), Pengalat Diki, Pengalat Oyo dan Petagas. Walaupun pada peringkat ini kuasa para pemimpin tempatan mula dicabar oleh Syarikat Borneo Utara British pada awalnya masih sukar dikawal. Seterusnya, SBUB melancarkan operasi ketenteraan ke kawasan Tempasuk, pihak SBUB akhirnya berjaya menewaskan penerangan masyarakat Bajau di kawasan tersebut.³⁰ Menurut Brown bahawa masyarakat bajau pada mulanya menerima pemerintahan Kesultanan Brunei secara longgar. Mereka merupakan masyarakat yang bersifat maritim dan sebahagian hidup separa nomad yang tidak terikat secara langsung dengan struktur pentadbiran Kesultanan Brunei sebaliknya mengekalkan autonomi sosial dan politik yang relatif longgar.³¹ Petikan ini menjelaskan dengan lebih mendalam seakannya;

“But my impression is that they owed any allengiance to Brunei, the were sendetary Bajau Speakers. The nomadic sea Bajau or apperently the bulk of them, seem to have been quite firmly disassociated from Brunei by then. As a trade relations between manila and Brunei became in creasingly normal or acceptable, neither end of the traded seemed to have the power to pacify the routes in between”.³²

Menurut Spenser, pada sekitar 1850, masyarakat Bajau di kawasan Tempasuk secara amnya berada di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei dan akui kekuasaan Sultan.³³ Namun demikian, dalam amalan sebenar mereka tidak pernah menghantar cukai secara tetap kepada pihak Brunei. Keadaan ini berlaku terutama di kawasan Tempasuk adalah jauh dari pusat Kesultanan Brunei. Situasi ini sama turut berlaku di kawasan pantai barat yang lain seperti Papar, Mengkabong, Kawang, Sembulan, Putatan, Menggatal (Darau), Tuaran, Inanam, Kinarut, Likas, Sepanggar, Karambunai, Api-Api, Tanjung Aru (Nafas), Pengalat Diki, Pengalat Oyo, dan Petagas. Kerajaan Pusat di Brunei tidak berupaya mengutip cukai secara langsung daripada masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara kerana pentadbiran tempatan berada di bawah pemimpin masyarakat Bajau sendiri. sebagai contoh, Pengiran Abdul Rauf merupakan Raja Bajau di pantai barat Borneo Utara dan mempunyai kuasa autoriti ke atas komuniti Bajau di wilayah tersebut.³⁴ Begitu juga di kawasan Papar diketuai oleh Datu Amir Bahar seorang pemimpin Bajau pemimpin tempatan yang berperanan mentadbir masyarakatnya³⁵ Walau bagaimanapun dalam kes Papar, Datu Amir Bahar bertanggungjawab memungut cukai daripada rakyatnya dan seterusnya menyerahkan hasil pungutan tahunan tersebut kepada pembesar kesultanan Brunei sebagai tanda pengiktirafan politik terhadap kekuasaan Sultan.³⁶

Komuniti Masyarakat Bajau Dalam Pentadbiran Di Pantai Barat Borneo Utara

Walaupun masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara adalah di bawah pengaruh Kesultanan Brunei, namun mereka mempunyai sistem kepimpinan tempatan yang tersendiri yang bersifat “tribal” dengan erti kata mereka tidak mempunyai sifat bentuk kerajaan pusat. Komuniti-komuniti itu juga berpecah-belah kerana mengikut puak-puak.³⁷ Corak sistem kepimpinan dan

kawalan pentadbiran tempatan bergantung pada komuniti-komuniti yang berkenaan. Tidak ada usaha dalam kalangan mereka untuk membentuk satu entiti politik yang bersatu. Setiap komuniti mempunyai ketua sendiri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal komuniti dan unit politik yang terbesar umumnya adalah kampung. Menurut, Spenser didapati bahawa pada tahun 1851, pemimpin tempatan yang tertinggi kedudukannya dalam kalangan masyarakat Bajau di Tempasuk bergelar datu dan beliau memperoleh wibawanya daripada Sultan Brunei;

“The Bajus of Tampasuk Nomally Acknowledge a Datu as their Chief, who receives his autoriti from; but they never pay taxes to the supreme Government and seldom send even a present”.³⁸

Dengan demikian, walaupun masyarakat Bajau di Tempasuk menikmati tahap autonomi tertentu, kuasa para pemimpin mereka masih berada dalam lingkungan pengaruh Kesultanan Brunei. Dalam konteks ini, masyarakat bajau di Tempasuk boleh dianggap sebagai sebahagian daripada struktur pentadbiran kesultanan Brunei. Hal ini dapat dilihat melalui peranan tokoh tempatan seperti Datu Rombongan, Datu Mirajah Dindah dan Orang Kaya Unggat yang dilantik untuk mentadbir dan mewakili masyarakat Bajau di kawasan Tempasuk.³⁹ Kawasan tersebut juga berfungsi sebagai sebuah pusat perdagangan penting yang dipertanggungjawab oleh Sultan Brunei kepada para pemimpin ini bagi mengawal dan menyelia masyarakat Bajau serta menjaga kepentingan politik dan ekonomi Kesultanan di wilayah tersebut.

Menurut Evans, istilah gelaran Datu biasanya diberikan oleh Kesultanan Brunei kepada pemimpin masyarakat Bajau. Pelantikan ini bertujuan untuk membolehkan mereka berkhidmat kepada kerajaan pusat, terutama dalam urusan mengutip cukai kepala. Selain cukai dalam bentuk individu, cukai juga boleh dibayar dalam bentuk barangan, contohnya dua pikul tembaga. Di samping itu, terdapat juga amalan adat di mana masyarakat tempatan perlu memberikan sumbangan tertentu setiap kali perahu Sultan Brunei berlabuh atau mengangkat sauh di sesuatu kawasan, sebagai tanda pengiktirafan terhadap kekuasaan sultan dan hubungan politik dengan Kesultanan Brunei.

“Some of the Bajau titles, such for instance, as that of Dato Temenggong, seem to have been bestowed by the Brunei royalty on petty chiefs, or men of some capacity who made themselves useful to the Brunei Court or to Brunei officers who visited the country to collect duit buffs- exacted by threats from some of the Bajau Villages. They do it buffs, a sort of poll tax, was given in kind and in addition, when the boat with the boat the Sultan Brunei representative on board cast achors, the village had to contribute two pikul of brass and the same amount when anchor was weighed again. Mengkabong, Inanam, Menggatal, Tuaran and The Sulaman Villages acknowledge the Brunei potentate as their lord”.⁴⁰

Para pemimpin Bajau bukan sahaja mempunyai gelaran yang tertinggi dalam martabatnya tetapi kerap juga bertindak sebagai raja dalam beberapa daerah mereka. Spenser sekali lagi menjelaskan iaitu perkataan “Datu” di kawasan Papar, Tempasuk, Putatan, Tuaran, Mengkabong dan Tanjung Aru (Nafas) juga bersifat simbolik di bawah pemerintahan Brunei ke atas kawasan tersebut. Dalam banyak hal ini, masyarakat Bajau masih dapat bertindak bebas tanpa terikat mahupun dikongkong oleh pengaruh kesultanan Brunei. Beliau menjelaskan sekali lagi bahawa “*They the*

Bajau are individually very independent, and render no obedience to their chief, unless its suits their own convenience".⁴¹

Spenser menjelaskan bahawa gelaran "Datu" di kawasan pantai barat Borneo Utara merupakan kedudukan tertinggi dalam kalangan masyarakat Bajau dan mempunyai tanggungjawab istimewa. Sebagai ketua yang dilantik oleh Kesultanan Brunei, seorang Datu bukan sahaja berperanan sebagai pemimpin tempatan tetapi turut memikul tanggungjawab pentadbiran dan ekonomi. Andaian Spenser, Datu bertanggungjawab mengutip pelbagai jenis cukai, termasuk cukai kepada, cukai dagang dan cukai-cukai lain. Sultan Brunei menyerahkan hak mengutip cukai ini kepada golongan Datu sebagai satu bentuk kurniaan atau anugerah tetapi dengan syarat bahawa Datu mestilah melaksanakan tugas tertentu. Sebagai contoh mengurus hal ehwal pentadbiran tempatan bertindak sebagai orang tengah antara rakyat dan pihak istana mengurus ketenteraan serta mengendalikan hubungan luar. Sebagai hasil kutipan tersebut kemudiannya diserahkan kepada Sultan Brunei sebagai tanda kesetiaan dan penghormatan. Spenser turut menggambarkan keadaan ini secara lebih khusus melalui contoh di kawasan Tempasuk yang memperlihatkan peranan Datu berfungsi dalam struktur politik dan pentadbiran tempatan di bawah pengaruh kesultanan Brunei: teks ini turut memperjelas seperti di bawah;

"A good and comfortable one excellent accomodation. It is double storied, with plank wall, the lower part of the house consisted on fo great room, surrounded by broad verandahs; the one being partially partioned off the great room, or hall, was the chief in the centre of which was an immense resting place or bed and behind were heaps of boxes containing the wealth of the family".⁴²

Menurut Spenser, kedudukan Datu di Tempasuk merupakan satu contoh penting struktur kepimpinan tradisional di pantai barat Borneo Utara. Walau bagaimanapun, penggunaan gelaran Datu sebenarnya lebih meluas di seluruh pantai barat, terutama dalam kalangan masyarakat Bajau. Gelaran ini bukan sahaja wujud Tempasuk malah turut ditemui di beberapa kawasan lain yang dianggap sebagai tanah Tulin.⁴³ Sebagai contoh, kawasan Papar yang diketuai oleh Datu Amir Bahar sebagai pemimpin masyarakat Bajau. Di Tanjung Aru (Nafas) kepimpinan diketuai oleh Datu Kilan, manakala Putatan pula diketuai oleh Datu Setia. Hal ini menunjukkan bahawa gelaran Datu digunakan secara meluas sebagai lambang kuasa dan autoriti politik tempatan dalam kalangan masyarakat Bajau di pantai barat.

Menurut Sahar, gelaran "Datu" dianggap setaraf dengan seorang raja dalam kelompok masyarakat mereka. Seorang Datu mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada anak buahnya dan perintah tersebut wajib dipatuhi. Sekiranya rakyat atau pengikutnya ingkar, mereka boleh dikenakan hukuman berat seperti dijadikan hamba, hukum kerja berat atau hukuman mati. Bagi individu yang tidak setia atau membelot semasa peperangan boleh dikenakan hukuman pancung. Datu juga memiliki hamba abdi yang dikenali sebagai ulung yang fungsinya membantu dalam urusan harian dan pentadbiran. Golongan "*ulun*"(hamba) ini terbahagi kepada dua iaitu orang tawanan dan orang biasa. Dari segi perwarisan gelaran Datu biasanya diwarisi oleh anak lelaki sulung. Namun demikian dalam sesetengah keadaan, gelaran ini boleh diberikan kepada lelaki lain berdasarkan kedudukan dan status sosial mereka dalam masyarakat.⁴⁴

Dalam masyarakat Bajau tradisional, orang berketurunan gelaran Datu mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. Gelaran Datu juga dikenali sebagai "Jomo Sepuh" kemudian tukar kepada "Jomo Wau". Perbezaan istilah ini adalah mengikut sebelah bapa bagi Sepuh dan bagi sebelah mama Wau. Keistimewaan "Jomo Sepuh" ini merupakan status yang tertinggi berbanding

yang lain. Manakala “Jomo Wau” merupakan golongan kebanyakan. “Jomo Pinoto” adalah golongan bawahan yang berketurunan hamba abdi.⁴⁵

Menurut Evans sekitar abad ke-20, masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara masih mengiktiraf kepimpinan beberapa orang ketua tempatan dengan kedudukan tertinggi dipegang oleh Dato Takopan dan Dato Temenggong. Ketua ini digambarkan oleh Evans sebagai mempunyai gelaran sangat tinggi “*Very high titles, almost like a Raja*” sekali gus menunjukkan bahawa kedudukan mereka hampir menyamai seorang pemerintahan kecil dalam struktur politik tempatan”.⁴⁶ Namun demikian keadaan di beberapa kawasan seperti Mengkabong, Tuaran, Sulaman, Sembulan dan Dumpil-Meruntum menunjukkan corak yang agak berbeza. Di kawasan tersebut golongan pemerintah tempatan kebanyakannya terdiri daripada keturunan Brunei iaitu daripada golongan Pengiran yang mempunyai hubungan langsung dengan struktur bangsawan Kesultanan Brunei.⁴⁷ Bagi masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara secara keseluruhannya, pengaruh Kesultanan Sulu tidak begitu kuat, keadaan ini jelas berbeza dengan masyarakat Bajau di pantai timur Borneo utara terutama di kawasan seperti Semporna dan Sandakan yang berada dalam lingkungan pengaruh dan unsur ketuanan Kesultanan Sulu. Oleh itu, struktur kepimpinan dan susunan politik masyarakat Bajau di pantai timur memperlihatkan dan susunan politik masyarakat Bajau di pantai timur memperlihatkan corak berbeza berbanding dengan masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara.⁴⁸

Kepimpinan masyarakat Bajau memainkan peranan penting dalam membantu pentadbiran semasa pemerintahan kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara. Bentuk pemerintahan ini berbeza daripada sistem yang diamalkan oleh Kesultanan Sulu, terutama dari segi struktur naungan dan pengaruh politik tempatan. Di pantai barat golongan Datu dan Pengiran bukan sahaja berfungsi sebagai ketua masyarakat malah turut melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh kerajaan pusat Brunei untuk mentadbir kawasan masing-masing. Setiap unit atau wilayah tempatan biasanya diketuai oleh seorang Datu atau Pengiran yang bertindak sebagai wakil kepada kuasa kesultanan. Melalui peranan ini, masyarakat Bajau bukan sahaja terlibat secara langsung dalam urusan pentadbiran, malah menjadi tonggak penting dalam memperkukuhkan kedaulatan dan pengaruh Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara.⁴⁹

Kesimpulan

Tuntasnya, sepanjang tempoh 1841 hingga 1900, hubungan antara masyarakat Bajau dengan Kesultanan Brunei memainkan peranan penting dalam membentuk landskap sosioekonomi dan sosiopolitik di pantai barat Borneo Utara. Hubungan ini bukan sekadar berasaskan politik dan perdagangan malahan mengukuhkan kedudukan dan identiti masyarakat Bajau dalam struktur pemerintahan Brunei, terutama melalui peranan mereka sebagai masyarakat maritim, pedagang dan perantara utama dalam jaringan ekonomi pesisir. Kebergantungan strategik kesultanan Brunei terhadap kemahiran maritim masyarakat Bajau, termasuk dalam sektor perdagangan dan ketenteraan, membuktikan bahawa mereka bukan sekadar kelompok pinggiran, sebaliknya merupakan unsur penting dalam mengekalkan kestabilan pemerintahan. Oleh itu, kajian ini menggambarkan bahawa sistem pentadbiran dan kepimpinan Bajau di pantai barat bukan sahaja membentuk perkembangan komuniti tersebut hingga ke hari ini, malah menyumbang kepada pembinaan gambaran sejarah yang lebih realistik, stabil dan berteraskan konteks tempatan.

Penghargaan

Ucapan perlu ditujukan kepada Unit Kenegaraan & Sejarah Gunaan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Bukit Kayu Hitam, 06010, Sintok, Kedah Darul Aman.

Biodata

*Dr. Yusry Sulaiman (yusry.sulaiman@uum.edu.my) (*corresponding author*) merupakan Pensyarah Kanan Unit Sejarah Gunaan dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia. (0179651241)

Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa (m.ali@uum.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan Unit Sejarah Gunaan dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Prof. Madya Dr. Nor Azlah Sham Rambely (azlah@uum.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan Unit Sejarah Gunaan dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Dr. Haslinda Hasan (haslynda@uum.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan Unit Sejarah Gunaan dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Nota

¹ Hj Awg Asbol bin Hj. Mail, *Kesultanan Melayu Brunei, Abad ke-19, Politik dan Struktur Pentadbiran*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2011.

² D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D., University Cornell, Amerika Syarikat, 1969.

³ Spenser St. John, *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865.

⁴ Owen Rutter, *An Account of its History, Resources and Native Tribes*, Kota Kinabalu, Sabah: Opus Publication 2008; Ian Donald Black, "The Ending of Brunei Rule in Sabah 1878-1902," *Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, bahagian 2, Disember 1968.

⁵ Peter Leys, "Observations on the Brunei Political System, 1883–1885," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2, 1968; Donald E. Brown, "Brunei and Bajau," *Borneo Research Bulletin* 3, no. 2, 1971.

⁶ Bianca Gerlich, *Marudu 1845: The Destruction and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*, Hamburg: Abera, 2003, hlm. 4-7; Gusni Saat, *Komuniti Samah Bajau di Bandar*, Bangi: UKM, 2003; Gusni Saat, *Suku Etnik Bajau di Sabah, : Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

⁷ Spenser St. John, *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865, hlm. 247-248.

⁸ Ismail Ali, Mosli Tarsat, The Iranun in Borneo: Pirates of Heroes From The Maritime Perspective, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol.16, 2008 hlm 28-29; Ismail Ali, Singgih Tri Sulistiyon, Maritime Heritage And The Belt And Road Initiative: A Historiographical Perspective on Malaysia's Journey As A Maritime Nation, 32 (2), 2023 hlm 272-273; Koh Chien Aun, Sivachandralingam S'undara Raja, From Kerajaan (Kingdom) To Kerajaan (Government), *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol.24, 2, 2015.

⁹ D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D, University Cornell, Amerika Syarikat, 1969, hlm. 197; Donald E. Brown, "Brunei and Bajau," *Borneo Research Bulletin* 3, no. 2, 1971.

10 Ibid., hlm. 169.

¹¹ Ranjit Singh, *The Making Of Sabah The Making of Sabah 1865 - 1941: The Dynamics of Indigenuos Society*, Kota Kinabalu, Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar, 2011, hlm. 10-12; Hj Awang Hasbol bin Hj Mail, *Kesultanan Melayu Brunei, Abad ke-19, Politik dan Struktur Pentadbiran*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2011, hlm 16, 107-109.

¹² D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D., University Cornell, Amerika Syarikat, 1969, hlm. 170; Donald E. Brown, "Brunei and Bajau," *Borneo Research Bulletin* 3.

¹³ Ibid., hlm . 195.

¹⁴ Sabihah Osman, *Institusi Pentadbiran Peribumi Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985, hlm. 13-14; Koh Chien Aun, Sivachandralingam S`undara Raja, *From Kerajaan (Kingdom) To Kerajaan (Government)*, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 24, 2, 2015.

¹⁵ D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D, University Cornell, Amerika Syarikat, 1969, hlm. 12.

¹⁶ Sahar Piassin, 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022; Salleh Bin Mamun, 58 tahun, Kampung Lok Batik Tuaran, 20 Mac 2022; Maskan Rasta, 58 tahun, Kampung Mengkabong Tuaran, 20 Mac 2022; Pehin Mohd Jamil Al-Sufri, Pengiran Temenggung Momin Amirul Faza, *PUSAKA* , 9, 1999, hlm. 12; D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, 1969, hlm. 13.

¹⁷ *British North Borneo Herald*, 1st February 1892, hlm. 33.

¹⁸ Owen Rutter, *An Account of its History, Resources and Native Tribes*, Kota Kinabalu, Sabah: Opus Publication 2008 hlm. 135; Sather Clifford, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of Southeastern Sabah*, Oxford: Oxford Press, 1974.

¹⁹ Peter Leys, "Observations on the Brunei Political System, 1883–1885," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2, 1968, hlm. 137.

²⁰ Ibid., hlm 137.

²¹ Gusni Saat, *Komuniti Samah Bajau di Bandar*, Bangi: UKM, 2003; Gusni Saat, *Suku Etnik Bajau di Sabah. : Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008; Gusni Saat, *Peribumi Teluk di Sepanggar*, Bangi: UKM.

²² Spenser St. John, *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865, hlm. 247-248; Yusry Sulaiman. Maharajah Overbeck: Satu Mengenai Hak dan Kedudukan Pemerintah di Borneo Utara, *Journal of Borneo Transformation Studies*, Vo.5, No.1, 2019.; Yusry Sulaiman, *Sejarah Penyerahan Wilayah Brunei kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB) 1877-1902*, Tesis Sarjana: UMS, 2021.; Sather Clifford, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of Southeastern Sabah*, Oxford: Oxford Press, 1974.

²³ D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D, University Cornell, Amerika Syarikat, 1969, hlm. 201.

²⁴ "Native Rule In British Borneo", *British North Borneo Herald*, 1st July 1884, hlm. 5.

²⁵ Sila Rujuk Gusni Saat, *Komuniti Samah Bajau di Bandar*, Bangi: UKM, 2003, hlm. 30; Gusni Saat, *Suku Etnik Bajau di Sabah: Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 125; Hj Awang Hasbol bin Hk. Mail, *Kesultanan Melayu Brunei, Abad ke-19, Politik dan Struktur Pentadbiran Brunei Darussalam*: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2011, hlm. 40.

²⁶ Ranjit Singh, *The Development of Indigeneous Society and Administration in Sabah*. PHD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 90; Ranjit Singh, *The Making of Sabah The Making of Sabah 1865 - 1941: The Dynamics of Indigenuos Society* , Kota Kinabalu, Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar, 2011, hlm, 69.

²⁷ James Francis Warren, *The North Borneo Chartered Company Administration of The Bajau 1878 -1909* , *Sabah Society Journal*, Volume V, 4, 1972, hlm. 299-300; Mosli Tarsat, *Kerelevanan dan prospek Jawatan Anak Ketua Negeri di Sabah: satu perspektif Sejarah*, *Jurnal Sosiohumanika*, 2(2), 2009.

²⁸ Bianca Gerlich, *Marudu 1845: The Destruction and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*, Hamburg: Abera, 2003.

²⁹ Peter Leys, "Observations on the Brunei Political System, 1883–1885," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2, 1968, hlm. 120-122 & 135.

³⁰ "Native Rule In British Borneo", *British North Borneo Herald*, 1st July 1884.

³¹ D.E Brown, *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D, University Cornell, Amerika Syarikat, 1969, hlm. 12; David Sopher, *A Sea Nomad; A Study Based on the Literature of Maratime Boat People of Southeast Asia*, Syracuse University, *Memoirs of the National Museum*, No. 5, 1965.; Gusni Saat, *Komuniti Samah Bajau di Bandar*, Bangi: UKM, 2003, hlm.30; Gusni Saat, *Suku Etnik Bajau di Sabah :Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm.125; Gusni Saat, *Peribumi Teluk di Sepanggar*, Bangi: UKM, 2004; F.G Whellan, *A History of Sabah*, United Kingdom: Oxford Univerisity, 1973; Donald E. Brown, "Brunei and Bajau," *Borneo Research Bulletin* 3, no. 2, 1971.

³² D.E Brown, *Bajau and Brunei, Borneo Research Bulletin*, 1971, hlm. 56.

- ³³ Spenser St. John *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865, hlm. 372.
- ³⁴ Fatmah Sidek, Sejarah Pentadbiran Pengiran Abdul Rauf Pengiran Abdul Rajit Ke Atas Tanah Tulin Di Borneo Utara 1822-1898, Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah, 2018; Yusry Sulaiman, Mosli Tarsat, & Rizal Zamani Idris, "Teori Migrasi Masyarakat Bajau di Mengkabong, Pantai Barat Borneo Utara", *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 32, No. 1, 2023.
- ³⁵ Ranjit Singh, *The Making Of Sabah The Making of Sabah 1865 - 1941: The Dynamics of Indigenuos Society*, Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar, 2011, hlm. 69.
- ³⁶ Ranjit Singh, *The Development of Ingedeneous Society and Administration in Sabah*, PH.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 90.
- ³⁷ Md. Saffie Abdul Rahim, Eko Prayitno Joko, Gerakan Nasionalisme Masyarakat Bajau Era Penjajahan Di Borneo Utara, 1881-1945, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 34, No.1 2025, hlm. 15.
- ³⁸ Spenser St. John, *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865, hlm. 372.
- ³⁹ Ranjit, Singh, *The Making Of Sabah The Making of Sabah 1865 - 1941: The Dynamics of Indigenuos Society* , Kota Kinabalu, hlm. 77 & 78; Ian Donald Black, "The Ending of Brunei Rule in Sabah 1878-1902," *Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, bahagian 2 (Disember 1968), hlm. 78.
- ⁴⁰ Ivor Evans, *Among Primitive Peoples In Borneo*, Kuala Lumpur: Crescent News, 2015, hlm. 205.
- ⁴¹ Ibid., hlm. 372.
- ⁴² Spenser St. John, *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865, hlm. 236.
- ⁴³ Maklumat lisan daripada Sahar Piassin, 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022; Yusry Sulaiman, Mosli Tarsat, & Rizal Zamani Idris, Teori Migrasi Masyarakat Bajau di Mengkabong, Pantai Barat Borneo Utara, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 32, No.1, 2023.
- ⁴⁴ Ranjit Singh, *The Making Of Sabah The Making of Sabah 1865 - 1941: The Dynamics of Indigenuos Society* hlm. 69; Peter Leys, "Observations on the Brunei Political System, 1883–1885," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2, 1968, hlm. 120-122; Spenser St John, *The Life in the Forest of The Far East II*, London: Smith & Elder, 1865, hlm. 188; Carl Trocki, *The Prince Of Pirates, The Temenggong and the Development Johor and Singapore 1784-1885*, Singapore: NUS, 2013, hlm.1-5.
- ⁴⁵ Saidanatul Nornis, *Bajau Pantai Barat*, Kuala Lumpur: ITMB, 2012, hlm. 24-26; Gusni Saat, *Peribumi Teluk di Sepanggar*, Bangi: UKM, 2004.
- ⁴⁶ Ivor Evans, *Among Primitive Peoples In Borneo*, Kuala Lumpur: Crescent News, 2015, hlm. 204-205.
- ⁴⁷ Penulisan ini tiada bersifat konkrit untuk mengetahui struktur pentadbiran dan kepimpinan yang terletak di pantai timur Borneo Utara. Misalnya, Yap Beng Liang iaitu Bajau di Pulau Omadal di Semporna juga menjelaskan tentang struktur pentadbiran dan kepimpinan di pantai timur. Untuk mengetahui keterangan lanjut Yap Beng Liang, *Bajau di Pulau Omadal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1977.
- ⁴⁸ Ivor Evans, *Among Primitive Peoples In Borneo*, Kuala Lumpur: Crescent News, 2015, hlm. 204-205.
- ⁴⁹ Yap Beng Liang, *Politik dan Ekonomi Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu, 2001.

RUJUKAN

Black, I. D., "The Ending of Brunei Rule in Sabah 1878-1902," *Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, bahagian 2, Disember 1968.

Black, I. D., *A Gambling Style of Government: The Establishment of Chartered Sultanate, Company Rule in Sabah, 1878-1915*, Oxford: Oxford University Press, 1983.

"Native Rule In British Borneo", *British North Borneo Herald*, 1st July 1884.

British North Borneo Herald, 1st February 1892.

Brown D. E., *Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate*, Tesis Ph.D., University Cornell, Amerika Syarikat, 1969.

Brown D. E., , "A Comparative in Perspective Brunei," *The Sarawak Museum Journal*, XXVI, no. 47, 1978.

Brown D. E., "Brunei and Bajau," *Borneo Research Bulletin* 3, no. 2, 1971.

Brown D. E., "Brunei: The Structure and History of Bornean Malay," *Brunei Museum Journal*, 1970.

Clifford Sather, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of Southeastern Sabah*, Oxford: Oxford University Press, 1974.

Evans, I, *Among Primitive Peoples in North Borneo*, Kuala Lumpur: Crescent News, 1922.

Whellan F. G. , *A History of Sabah*, United Kingdom: Oxford University Press, 1973.

Fatmah Sidek, *Sejarah Pentadbiran Pengiran Abdul Rauf Pengiran Abdul Rajit Ke Atas Sungai Tulin di Borneo Utara, 1822-1898*, Tesis Sarjana, Program Sejarah, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 2018.

Gerlich Bianca, *Marudu 1845: The Destruction and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*, Hamburg:Abera, 2003.

Gullick J. M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.

Gusni Saat, *Peribumi Teluk di Sepanggar*, Bangi: UKM, 2004.

Gusni Saat, *Suku Etnik Bajau di Sabah: Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Gusni Saat, *Komuniti Samah Bajau di Bandar*, Bangi: UKM, 2003.

Hasan Mat Nor, "Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal di Kota Belud Sabah," *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 9, 1980.

Hj Awang Asbol bin Hj Mail, *Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19, Politik dan Struktur Pentadbiran*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 2011.

Ismail Ali, Mosli Tarsat, "The Iranun in Borneo: Pirates of Heroes From The Maritime Perspective", *Sejarah: Journal of the Department of History*, No. 16, 2008, 27-38.

Ismail Ali, Singgih Tri Sulistiyon, *Maritime Heritage And The Belt And Road Initiative: "A Historiographical Perspective On Malaysia's Journey As A Maritime Nation"*, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 32, Bil. 2, 2023, 269-300.

Ivor Evans, "Notes on the Bajau and The other Coastal Tribes of North Borneo," *JMBRAS* 25, no. 1, 1952.

James F. Warren, "Balambangan and the Rise of the Sulu Sultanate, 1772-1775," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 50, no. 1, 1977.

James Francis Warren, "The North Borneo Chartered Company Administration of The Bajau 1878 -1909", *Sabah Society Journal*, Volume V, 4, 1972.

Koh Chien Aun, Sivachandralingam S`undara Raja, From Kerajaan (Kingdom) To Kerajaan (Government), *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 24, Bil. 2, 2015, 87-102.

Md. Saffie Abdul Rahim, Eko Prayitno Joko, Gerakan Nasionalisme Masyarakat Bajau Era Penjajahan Di Borneo Utara, 1881-1945, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 34 No.2, 2025: 13-45.

Mosli Tarsat, "Kerelevanan dan Prospek Jawatan Anak Ketua Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah, " *Jurnal Sosiohumanika* 2, no. 2, 2009.

Pehin Mohd Jamil Al-Sufri, Pengiran Temenggung Momin Amirul Faza, *PUSAKA* , 9, 1999.

Peter Leys, "Observations on the Brunei Political System, 1883–1885," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2 ,1968.

Ranjit Singh, *The Making Of Sabah The Making of Sabah 1865 - 1941: The Dynamics of Indigenuos Society* , Kota Kinabalu, Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar, 2011.

Rutter, O, *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Native Tribes*, Kota Kinabalu, Sabah: Opus Publication, 2008.

Sabihah Osman, *Institusi Pentadbiran Peribumi Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.

Saidatul Nornis, *Bajau Pantai Barat*, Kuala Lumpur: ITMB, 2012.

Sather Clifford, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of Southeastern Sabah*, Oxford: Oxford Press, 1974.

Temu bual bersama Temu bual bersama Maskan Rasta, 58 tahun, Kampung Mengkabong Tuaran, 20 Mac 2022.

Temu bual bersama Sahar Bin Hj Piassin, 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022.

Temu bual bersama Salleh Bin Mamun, 58 tahun, Kampung Lok Batik Tuaran, 20 Mac 2022

Treacher, W. H., *Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*, Singapore: Government Printing Press, 1891.

Trocki Carl, *The Prince Of Pirates, The Temenggong and the Development Johor and Singapore 1784-1885*, Singapore: NUS, 2013.

Yap Beng Liang, *Politik dan Ekonomi Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu, 2001.

Yap Beng Liang, *Bajau Omadal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Yusry Sulaiman, "Maharahjah Overbeck: Satu Mengenai Hak dan Kedudukan Pemerintah di Borneo Utara," *Journal of Borneo Transformation Studies* 5, no. 1, 2019.

Yusry Sulaiman, Mosli Tarsat, & Rizal Zamani Idris, Teori Migrasi Masyarakat Bajau di Mengkabong, Pantai Barat Borneo Utara, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 32, No.1, 2023, 15-32.

Yusry Sulaiman, *Sejarah Penyerahan Wilayah Brunei kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB) 1877-1902*, Tesis Sarjana, UMS, 2021.